

PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010 NOTICE
NOTIS AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

The Personal Data Protection Act 2010 (the “**Act**”), which regulates the processing of personal data applies to MBM RESOURCES BERHAD and its subsidiaries (collectively referred to as “MBMR Group” or “we” or “us”). By providing your Personal Data to us and/or continuing access to MBMR Group’s websites or use any of the services offered by the Group, you declare that you have read and understood this Notice and agree to us processing your personal data as a Data Controller in accordance with the manner as set out hereafter.

*Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“**Akta**” tersebut) yang mengawal selia pemprosesan data peribadi terpakai kepada MBM RESOURCES BERHAD dan anak-anak syarikat (dirujuk secara kolektif sebagai “Kumpulan MBMR” atau “kami” atau “kita”). Dengan memberikan data peribadi anda kepada kami dan/atau meneruskan akses kepada laman web Kumpulan MBMR dan/atau mana-mana perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kumpulan MBMR, anda mengisytiharkan bahawa anda telah membaca dan memahami Notis ini dan bersetuju untuk kami memproses data peribadi anda sebagai Pengawal Data berdasarkan tatacara yang dinyatakan seperti berikut.*

1. Consent / Persetujuan

This Notice serves to inform you that your personal data is being processed by us or on our behalf and you hereby give your consent to the processing of your personal data in accordance with the manner as set out in this Notice.

Notis ini bertujuan untuk memaklumkan kepada anda bahawa data peribadi anda sedang diproses oleh atau bagi pihak kami dan anda dengan ini memberikan persetujuan anda bagi pemprosesan data peribadi anda sepertimana dinyatakan dalam Notis ini.

2. Description of personal data / Perihalan data peribadi

We may collect a variety of your personal data including but not limited to your name, age, gender, race, religion, nationality, marital status, spouse’s and dependant’s name, Malaysian Identification Card numbers, passport numbers, signatures, home addresses, email addresses, contact numbers, emergency contact details, photograph, biometric data, information provided in your employment application including but not limited to academic qualification, health condition and criminal records (if any), income tax account numbers, Employee Provident Fund account numbers, SOCSO account numbers, bank accounts, former employers’ names, addresses and contact numbers, information provided to us as shareholders/investors of the MBMR Group such as CDS account numbers and information relating to your shareholding interest in the MBMR Group or any other companies, and all other personal data that you provide/declare to the MBMR Group and/or that are collected from you by the MBMR Group in the course of your dealings with the MBMR Group. The personal data of deceased individuals shall be specifically exempted from the scope of the Act.

Kami mungkin mengumpul pelbagai data peribadi anda termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, umur, jantina, bangsa, agama, kewarganegaraan, status perkahwinan, nama pasangan atau tanggungan anda, nombor kad pengenalan Malaysia, nombor pasport, tandatangan, alamat rumah, alamat emel, nombor telefon, nombor telefon kecemasan, gambar, data biometrik, sebarang maklumat yang dinyatakan dalam permohonan pekerjaan anda termasuk tanpa terhad kepada kelulusan akademik, rekod kesihatan dan rekod jenayah (jika ada), nombor akaun cukai pendapatan, nombor akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, nombor akaun SOCSO, akaun bank, nama, alamat dan nombor telefon bekas majikan, sebarang maklumat yang diberikan kepada kami sebagai pemegang saham/pelabur Kumpulan MBMR termasuk tanpa terhad kepada nombor akaun CDS dan maklumat berkenaan kepentingan pegangan saham anda di Kumpulan MBMR atau syarikat lain, serta sebarang data peribadi lain yang diberikan atau dinyatakan oleh anda kepada Kumpulan MBMR dan/atau yang dikumpul daripada anda oleh Kumpulan MBMR semasa urusan anda dengan Kumpulan MBMR. Data peribadi individu yang telah meninggal dunia adalah secara khusus dikecualikan daripada skop Akta tersebut.

3. Purpose / Maksud

Your personal data is being or is to be collected and further processed for the following purposes:
Data peribadi anda sedang atau akan dikumpulkan dan diproses selanjutnya untuk:

- (a) contacting or communicating with you;
berhubung atau berkomunikasi dengan anda;
- (b) performing obligations pursuant to a contract;
melaksanakan tanggungjawab menurut sesuatu kontrak;
- (c) administrative and operational purposes;
tujuan pentadbiran dan operasi;
- (d) providing you with the products, services or information requested;
memberikan anda produk, perkhidmatan atau maklumat yang diminta;
- (e) processing your monthly salary and other employment benefits;
memproses gaji bulanan dan manfaat pekerjaan lain anda;
- (f) human resource administration, management and training purposes;
pentadbiran sumber manusia, pengurusan dan tujuan latihan;
- (g) statistical analysis and historical data;
analisis statistik dan data sejarah;
- (h) to give effect and process your status as shareholders and/or investors of MBMR Group or to process your request to become shareholders and/or investors;
untuk memberi kesan dan memproses status anda sebagai pemegang saham dan/atau pelabur Kumpulan MBMR atau untuk memproses permintaan anda untuk menjadi pemegang saham dan/atau pelabur;
- (i) to deliver, communicate and transmit MBMR Group's annual reports, newsletters, latest information and other shareholders and/or investors relation information and materials through modes of communication and delivery we deem appropriate (including without limitation verbally, in hard print, electronically or online);
untuk menyampaikan, komunikasi dan menghantar laporan tahunan Kumpulan MBMR, surat berita, maklumat terkini dan maklumat dan bahan perhubungan pemegang saham dan/atau pelabur lain melalui tatacara komunikasi dan penyampaian yang kami anggap sesuai (termasuk tanpa terhad secara lisan, dalam cetakan keras, elektronik atau dalam talian);
- (j) payment of dividends and other benefits;
membayar dividen atau faedah lain;
- (k) to better understand your needs as shareholders/investors/customers of the MBMR Group;
untuk memahami keperluan anda sebagai pemegang saham/pelabur/pelanggan Kumpulan MBMR;
- (l) verification, identification and performing background checks;
melakukan pengesahan, pengenalan dan pemeriksaan latarbelakang;
- (m) internal records management, internal compliance and corporate governance (including auditing, internal investigations, compliance, risk management, conflict of interest reporting & management reporting);
pengurusan rekod dalaman dan tadbir urus korporat (termasuk audit, siasatan dalaman, pematuhan, pengurusan risiko, laporan konflik kepentingan dan laporan pengurusan);
- (n) insurance and/or professional indemnity purposes;
maksud insurans dan/atau tanggung rugi profesional;
- (o) purposes of enforcing our legal rights and / or obtaining professional or legal advice;

maksud menguatkuasakan hak undang-undang kami dan/atau mendapatkan nasihat profesional atau undang-undang;

- (p) maintaining, updating and enhancing records;
menjaga, mengemas kini dan menambahbaik rekod;
- (q) complying with any legal or regulatory requirements and/or requests from regulatory bodies;
mematuhi apa-apa keperluan undang-undang atau pengawal seliaan dan/atau permintaan daripada perbadanan kawal selia;
- (r) to attend to your enquiries and generally to enable resolution of a concern or complaint;
bagi memenuhi pertanyaan anda dan membolehkan penyelesaian berkenaan kebimbangan atau aduan anda;
- (s) security and access within MBMR Group's premises and facilities;
keselamatan dan akses kepada premis, kemudahan atau pejabat-pejabat Kumpulan MBMR;
- (t) execution of the relevant legal documents and instruments;
pelaksanaan dokumen dan instrumen undang-undang yang berkaitan;
- (u) to prosecute, prevent, investigate and/or detect any illegal and/or prohibited activities conduct and/or transactions;
bagi mendakwa, mencegah, menyasat dan/atau mengesan sebarang kegiatan dan/atau transaksi yang haram atau dilarang;
- (v) to facilitate your participation in any of MBMR Group's functions, activities, meetings and/or events;
bagi memudahkan penyertaan anda dalam sebarang acara, majlis, aktiviti atau mesyuarat yang dianjurkan oleh Kumpulan MBMR;
- (w) inclusion in media engagement and/or any relevant or related events;
untuk disertakan bersama dalam penglibatan media dan/atau acara-acara lain yang berkaitan;
- (x) publication in any printed materials, website, electronic media and/or social media platform arising from your participation in any MBMR Group related functions, activities, meetings and/or events;
penerbitan di sebarang bahan bercetak, laman web, media elektronik dan/atau platform media sosial yang timbul daripada penyertaan anda dalam sebarang majlis, aktiviti, mesyuarat dan/atau acara yang berkaitan dengan Kumpulan MBMR;
- (y) to improve our products and services, operational and business processes; and / or
bagi menambah baik operasi dan proses perniagaan kami; dan / atau

such other purposes directly related to the foregoing (collectively, the **"Purposes"**).
*maksud-maksud lain yang berhubungan secara langsung dengan yang tersebut di atas (secara kolektif, "**Maksud-maksud**" tersebut).*

4. Sources of personal data / sumber data peribadi

Your personal data is being or is to be collected from: your employment application/ employee details form, your referees, Malaysian Identity Card, passport, CV/resume, former employers, recruitment agencies, background check agencies, healthcare providers, our website, video and voice recordings (including closed circuit television (CCTV) and security recordings, images, photograph and/or any other recordings of you as obtained when you are in MBMR Group's premises, facilities and offices and/or when you attend any of MBMR Group related events, activities and/or meetings), medical records, from oral or written communications, biometric information scanners and all other information that you may provide us from time to time.

We may also collect your personal data during your visit to the MBMR Group's websites or alternatively, through your internet protocol ("IP") address (the date and time in which you accessed MBMR Group's

website, the URL of any webpage from which you accessed MBMR Group's website; and the web browser which you are using and the pages which you have accessed). The MBMR Group's website may require you to provide a limited amount of information in order to obtain the services you requested and to enable the MBMR Group to respond to your messages and requests.

Links to other sites may be provided on the MBMR Group's website for your convenience and information. These sites may have their own privacy statement and the MBMR Group does not control or recommend these sites and the MBMR Group will not be held responsible for these sites and their contents. As such, the MBMR Group encourages you to read the privacy policies and terms of usage of these sites prior to accessing these sites.

Data peribadi anda sedang atau akan dikumpulkan daripada: borang permohonan pekerjaan/maklumat pekerja anda, maklumat yang diberi oleh referi anda, kad pengenalan Malaysia, pasport, CV/resume, bekas majikan, agensi pengambilan pekerja, agensi semakan latar belakang, pembekal penjagaan kesihatan, laman web, rakaman video dan suara (termasuk rakaman CCTV dan keselamatan, gambar, foto dan/atau rakaman berkenaan anda yang diperolehi apabila anda berada di premis Kumpulan MBMR, kemudahan dan pejabat dan/atau apabila anda menghadiri mana-mana acara, aktiviti dan/atau mesyuarat berkaitan Kumpulan MBMR), rekod perubatan, maklumat dari komunikasi lisan atau bertulis, pengimbas maklumat biometrik dan semua maklumat lain yang anda mungkin berikan kepada kami dari semasa ke semasa.

Kami juga mungkin akan mengumpul data peribadi anda semasa anda melayari laman web Kumpulan MBMR, atau melalui alamat protokol internet anda (tarikh dan masa anda melayari laman web Kumpulan MBMR, URL laman web dari mana anda telah mengakses laman web Kumpulan MBMR; dan pelayar web yang anda gunakan dan halaman web yang telah anda layari). Laman web Kumpulan MBMR mungkin memerlukan anda memberikan maklumat yang terhad bagi memperolehi perkhidmatan yang anda kehendaki dan bagi membolehkan Kumpulan MBMR membalas mesej dan permintaan anda.

Pautan ke laman web lain mungkin disediakan di laman web Kumpulan MBMR untuk kemudahan dan maklumat anda. Laman-laman web ini mungkin mempunyai pernyataan privasi mereka sendiri dan Kumpulan MBMR tidak mengawal atau mengesyorkan laman-laman web tersebut dan Kumpulan MBMR tidak akan bertanggungjawab ke atas laman-laman web ini dan kandungannya. Oleh itu, Kumpulan MBMR menggalakkan anda membaca dasar privasi dan syarat penggunaan laman-laman web ini sebelum mengakses laman-laman web tersebut.

5. Right to request access to, correction of and limiting the processing of personal data / Hak untuk meminta akses kepada, pembetulan terhadap dan had pemprosesan data peribadi

You have the right to request access to and to request correction of your personal data and to contact us with any inquiries or complaints in respect of your personal data (including the possible choices and means for limiting the processing of your personal data or to cease or not begin processing your personal data for purposes of direct marketing) from:

Anda berhak untuk meminta akses kepada dan meminta pembetulan terhadap data peribadi anda dan untuk menghubungi kami tentang apa-apa pertanyaan atau aduan berkenaan dengan data peribadi anda (termasuk pilihan-pilihan dan cara-cara yang mungkin untuk mengehadkan pemprosesan data peribadi anda atau untuk memberhentikan atau tidak memulakan pemprosesan data peribadi anda bagi tujuan pemasaran langsung) daripada:

Designation / Jawatan:	Data Protection Officer
Telephone No./ No. Telefon:	03-5520 3838
E-mail / E-mel:	dpo@federalauto.com.my

Subject to provisions of the Act:

Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta tersebut:

- (a) you may, upon payment of a prescribed fee, make a data access request in writing to us; and
Anda boleh, apabila dibayar fi yang ditetapkan, membuat suatu permintaan mengakses data secara bertulis kepada kami; dan

- (b) we may refuse to comply with a data access request or a data correction request and shall, by notice in writing, inform you of our refusal and the reasons of our refusal.

Kami boleh enggan mematuhi permintaan mengakses data atau permintaan pembetulan data dan hendaklah, melalui notis bertulis, memaklumkan anda mengenai keengganan tersebut dan sebab-sebab bagi keengganan tersebut.

6. Withdrawal of Consent / Penarikan Balik Persetujuan

You have the right to withdraw your consent previously given to us (in full or in part) subject to any applicable legal restrictions, contractual conditions and a reasonable duration of time for the withdrawal of consent to be effected by providing us a notice in writing. If you withdraw your consent to any or all use of your personal data, we may not be in a position to continue to administer any contractual relationship in place, which in turn may result in the termination of any contracts or agreements with us. In such circumstances, we will not be liable for any losses, damages or consequences arising from such withdrawal of consent resulting in the termination of contracts/agreements.

Anda berhak untuk menarik balik persetujuan anda yang telah diberikan kepada kami sebelum ini (sepenuhnya atau sebahagiannya) tertakluk kepada apa-apa sekatan undang-undang, syarat kontraktual dan tempoh masa yang munasabah untuk penarikan balik persetujuan tersebut dilaksanakan dengan memberikan kami suatu notis bertulis. Jika anda menarik balik persetujuan anda kepada apa-apa atau semua penggunaan data peribadi anda, kami mungkin tidak boleh terus mentadbir sebarang hubungan kontraktual, yang mungkin mengakibatkan penamatan mana-mana perjanjian dengan kami.

7. Disclosure of personal data / Penzahiran data peribadi

We may disclose your personal data to our related corporations, potential or actual purchasers, successors-in-title of the business or share (wholly or in part) of the MBMR Group (including their advisers and representatives) as a result of a potential, proposed or actual sale of business, disposal, acquisition, merger or re-organization, the relevant audit firms and solicitors, banks, government departments, semi government departments and/or quasi-government departments and/or agencies, regulatory and/or statutory bodies, any healthcare professional or hospital, business partners and/or service providers, any person who is under a duty of confidentiality and/or who has undertaken the responsibility to keep such data confidential, any actual or proposed assignee, participant, sub-participant or transferee of any of our rights or obligations and any such third party requested or authorized by you for any of the above Purposes.

Kami boleh menzahirkan data peribadi anda kepada perbadanan berkaitan kami, pembeli yang berpotensi atau pasti, pengganti hakmilik perniagaan atau saham (secara keseluruhan atau sebahagiannya) Kumpulan MBMR (termasuk penasihat dan wakilnya) yang terhasil daripada penjualan perniagaan yang berpotensi, dicadangkan atau yang sebenar, pelupusan, pemerolehan, penggabungan atau penyusunan semula, firma audit dan peguamcara yang berkaitan, bank, jabatan kerajaan dan/atau jabatan separa kerajaan dan/atau jabatan kerajaan kuasi dan/atau agensi, badan-badan pengawalseliaan dan/atau berkanun, mana-mana institut kesihatan atau hospital, rakan kongsi dan/atau pembekal perkhidmatan, mana-mana pihak atau orang yang terikat di bawah kewajipan kerahsiaan dan/atau telah menerima tanggungjawab untuk merahsiakan data tersebut, mana-mana pihak yang akan menerima atau yang akan kami pindahkan hak atau obligasi kami kepadanya dan mana-mana pihak ketiga seperti yang diminta atau dibenarkan oleh anda untuk mana-mana Maksud-maksud yang dinyatakan di atas.

8. Transfer of personal data to places outside Malaysia or to another Data Controller / Pemindahan data peribadi ke tempat di luar Malaysia

We may transfer your personal data to a place outside Malaysia for administrative, operational or business purposes or reasons and you hereby give your consent to the transfer. You also have the right of portability to request your personal data to be transferred to another Data Controller of your choice, subject to technical feasibility and compatibility of the data format.

Kami boleh memindahkan data peribadi anda ke sesuatu tempat di luar Malaysia dan anda dengan ini memberikan persetujuan anda terhadap pemindahan tersebut. Anda juga mempunyai hak mudah alik

untuk meminta data peribadi anda dipindahkan kepada Pengawal Data pilihan anda yang lain, tertakluk kepada kebolehlaksanaan teknikal dan keserasian format data.

9. Accuracy of personal data / Ketepatan data peribadi

You are responsible for ensuring that the information you provide us is accurate, complete, not misleading and kept up to date.

Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa maklumat yang anda berikan kami adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini.

10. Amendments to the Notice / Pindaan kepada Notis

We may update and amend this Notice from time to time. We will notify you of any amendments to this Notice via announcements made through MBMR's website, internal email or other appropriate means. Any such amendments will be effective upon notification to you.

Kami mungkin mengemas kini dan meminda Notis ini dari semasa ke semasa. Kami akan memberitahu anda apa-apa pemindaan kepada Notis ini melalui pengumuman di laman web MBMR, emel dalaman atau cara-cara lain yang munasabah. Apa-apa pemindaan kepada Notis ini akan berkesan pada masa pemberitahuan kepada anda.

11. Conflict / Konflik

In the event of any inconsistency between the English version and the Bahasa Malaysia version of this Notice, the English version shall prevail over the Bahasa Malaysia version.

Sekiranya terdapat apa-apa ketidak-konsistenan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Notis ini, versi Bahasa Inggeris akan mengatasi versi Bahasa Malaysia.

Notes

As dealers for Volvo Car Malaysia and Volkswagen Passenger Cars Malaysia, we are also bound to Volvo Car Malaysia's Personal Data Protection Act Notice and Consent and Volkswagen Passenger Cars Malaysia's Personal Data Protection Act Notice.

Volvo Car Malaysia's Personal Data Protection Act Notice and Consent

For more information regarding Volvo Car Malaysia's ("VCM") Personal Data Protection Act Notice and Consent, kindly refer to <https://www.volvocars.com/my/v/legal/pdpa-eng/>

Volkswagen Passenger Cars Malaysia's Personal Data Protection Act Notice

For more information regarding Volkswagen Passenger Cars Malaysia's ("VPCM") Personal Data Protection Act Notice, kindly refer to <https://www.volkswagen.com.my/privacy-policy>